

**IMPAK MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA.  
KAJIAN KES: PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**JULIA JUANIS**



**UMS**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**IMPAK MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA.  
KAJIAN KES: PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**JULIA JUANIS**

**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
(GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

## PENGESAHAN

**NAMA** : **JULIA JUANIS**  
**NO. MATRIK** : **BA19110604**  
**TAJUK** : **IMPAK MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN  
REMAJA. KAJIAN KES: PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH**  
**IJAZAH** : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**  
**BIDANG** : **GEOGRAFI**



**Dr. Harifah Binti Mohd Noor**  
**Penyelia**

11/08/2022

**Tarikh**

**PROGRAM GEOGRAFI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**2022**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Impak Media Sosial Dalam kalangan Remaja. Kajian Kes: Pelajar Sekolah Menengah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



---

**Julia Juanis**  
**(BA19110604)**

11/08/2022

---

**Tarikh**



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan kerana telah memberikan saya kekuatan dan semangat dari segi emosi dan mental untuk saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi semasa menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia yang telah menyelia saya sepanjang saya menjalankan kajian ini iaitu Dr. Harifah Mohd Noor. Didikan, bimbingan, perhatian dan teguran yang diberikan oleh beliau sangat membantu saya dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ribuan terima kasih juga kepada kedua-dua orang tua saya yang saya kasihi dan hormati, Juanis Bin Joseph dan Masnah@Maznah Binti Sarah kerana sentiasa memberi dorongan, kasih sayang, perhatian dan kemudahan kepada saya sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah sudi melibatkan diri dalam penyelidikan saya terutama kepada responden kerana memudahkan saya untuk mengutip data kajian yang saya perlukan dalam penyelidikan saya sehingga saya dapat menyiapkan tesis ini. Semoga dengan penyelidikan yang telah saya lakukan ini dapat dijadikan sebagai sumber ilmu yang berguna kepada generasi yang akan datang.

Julia Juanis

11 Ogos 2022

## ABSTRAK

Media sosial merupakan salah satu mod pengangkutan maklumat yang digunakan oleh masyarakat di Malaysia pada masa kini untuk menyampaikan sesuatu maklumat berkaitan isu semasa yang berlaku di dalam atau luar negara selain daripada television, radio dan surat khabar. Namun begitu, kecanggihan media sosial yang membolehkan sesiapa sahaja boleh menyebarkan semua maklumat di media sosial menyebabkan pergerakan maklumat tidak terbatas iaitu semua jenis maklumat sama ada sah atau palsu tersebar. Kebebasan penggunaan media sosial tanpa had umur menyebabkan golongan remaja juga tidak terlepas untuk menggunakan media sosial. Oleh itu, kajian ini meneliti impak penggunaan media sosial dalam kalangan remaja pada masa kini. Kajian ini akan membincangkan mengenai tiga objektif yang utama iaitu mengenalpasti ciri-ciri penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, menganalisis impak media sosial kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon dan meninjau langkah-langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan instrumen borang soal selidik terhadap 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon. Hasil penemuan mendapati terdapat tiga impak media sosial yang mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu penggunaan data internet (4.32), tidak fokus pada pelajaran (4.03) dan tidak mendapat tidur yang mencukupi (4.0). Kajian ini juga mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak negatif.

**Kata Kunci:** Pengangkutan Maklumat, Media Sosial, Remaja, Impak Negatif.

## ABSTRAC

### (THE IMPACT OF SOCIAL MEDIA AMONG YOUNGSTERS. CASE STUDY: SECONDARY SCHOOL STUDENTS)

*Social media is one of the modes of information transportation that is used by society in Malaysia today to convey information related to current issues that are happening in the country or abroad apart from television, radio and newspapers. However, the sophistication of social media that allows anyone to spread all information on social media causes the movement of information to be unlimited, that is, all types of information whether authentic or false are spread. The freedom to use social media without age limits causes teenagers to also use social media. Therefore, this study examines the impact of social media use among teenagers today. This study will discuss three main objectives, which are to identify the characteristics of mobile phone use among students at Sekolah Menengah Kebangsaan, analyze the impact of social media on students at Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon and review measures to improve the use of social media that have a positive impact. . This study uses a quantitative method, which is to use a questionnaire instrument on 80 respondents who are students of Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon. The findings found that there were three impacts of social media that recorded a high mean value, namely the use of internet data (4.32), not focusing on studies (4.03) and not getting enough sleep (4.0). This study also suggests measures to improve the use of social media that has a negative impact.*

**Keywords:** *Information Transport, Social Media, Teenagers, Negative Impact.*

## SENARAI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRAC</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	Viii - x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1 Pengenalan	1 - 2
1.2 Matlamat Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Permasalahan Kajian	3 - 4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Definisi Konseptual	5
1.6.1 Pengangkutan Maklumat	5
1.6.2 Media Sosial	5 -6
1.6.3 Remaja	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Skop Kajian	7 - 8
1.9 Kawasan Kajian	8
1.10 Ringkasan	9 - 10
1.11 Kesimpulan	11



<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Intipati Kajian	13
2.2.1 Geografi	13
2.2.2 Geografi Manusia	14
2.2.3 Geografi Pengangkutan	14
2.2.4 Geografi Pengangkutan Maklumat	15
2.3 Sejarah Awal Kewujudan Media Sosial	15 - 18
2.4 Ciri-ciri Media Sosial	19
2.4.1 Rangkaian	19
2.4.2 Maklumat	19 - 20
2.4.3 Arkib	20
2.4.4 Interaksi atau perhubungan	20
2.4.5 Simulasi Sosial	20
2.4.6 Kandungan oleh pengguna	21
2.4.7 Perkongsian	21
2.5 Jenis-jenis Media Sosial	21 - 23
2.6 Fungsi Media Sosial Dalam Penyampaian Maklumat	23 - 24
2.7 Kajian Lepas	25 - 26
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Persampelan Kajian	28 - 29
3.4 Instrumen Kajian	29
3.5 Teknik Pengumpulan Data	29 - 30
3.5.1 Data Primer	30 - 32
3.5.2 Data Sekunder	32 - 33

3.6	Pengukuran Menggunakan Skala Likert	33 - 34
3.7	Teknik Analisis dan Persebaran Data	34 - 35
3.8	Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat Pengukuran	35 - 38
3.9	Kesimpulan	39
<b>BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN</b>		<b>HALAMAN</b>
4.1	Pengenalan	40
4.2	Latar Belakang Responden	41 - 42
4.3	Ciri-ciri Penggunaan Telefon Bimbit dan Media Sosial	43 - 50
4.4	Impak Penggunaan Media Sosial kepada Pelajar	51 - 56
4.5	Langkah Penambahbaikan penggunaan Media Sosial yang Memberi Impak Positif	57 - 61
4.6	Kesimpulan	62
<b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		<b>HALAMAN</b>
5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif	63 - 67
5.3	Masalah Kajian	67
5.4	Langkah dan Cadangan	68
	5.4.1 Cadangan Umum	68 - 71
	5.4.2 Cadangan Kajian Lanjut	71 - 72
5.5	Kesimpulan	73
<b>BIBLIOGRAFI</b>		74 - 80
<b>LAMPIRAN</b>		81 - 84

## SENARAI JADUAL

		<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1	Skala likert untuk jenis media sosial yang kerap digunakan	33
Jadual 3.2	Skala likert untuk impak penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar	33
Jadual 3.3	Skala Likert untuk cadangan langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif	34
Jadual 3.4	Tahap kebolehppercayaan soalan	36
Jadual 3.5	Nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ ) terhadap Impak Penggunaan Media Sosial kepada Pelajar	36
Jadual 3.6	Nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ ) terhadap cadangan langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif	37
Jadual 4.1	Statistik latar belakang responden	42
Jadual 4.2	Tahap kecenderungan skor min	51
Jadual 4.3	Nilai peratusan dan min bagi impak negatif penggunaan media sosial kepada pelajar di SMK Langkon	54
Jadual 4.4	Nilai peratusan dan min bagi langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif	59

## SENARAI RAJAH

	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.1	Peta Daerah Kota Marudu 8
Rajah 2.1	Intipati Kajian 13
Rajah 3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian 38
Rajah 4.1	Jenis telefon bimbit yang digunakan untuk melayari media sosial 44
Rajah 4.2	Waktu penggunaan media sosial semasa bersekolah 45
Rajah 4.3	Waktu penggunaan media sosial semasa hujung minggu atau cuti sekolah 46
Rajah 4.4	Tempoh masa melayari media sosial 47
Rajah 4.5	Bilangan jam melayari media sosial mengikut jenis aplikasi media sosial 48
Rajah 4.6	Jenis media sosial yang kerap digunakan 50
Rajah 4.7	Perbandingan Nilai Min Keseluruhan Bagi Impak Negatif Penggunaan Media Sosial Kepada Pelajar 56

## SENARAI SINGKATAN

SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

### HALAMAN

Lampiran A      Borang Soal Selidik

81 - 84



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Perkembangan zaman yang berlaku begitu cepat telah mendorong masyarakat khususnya golongan remaja pada masa kini berlumba-lumba untuk menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya. Secara umumnya, media sosial boleh ditakrifkan sebagai sebuah media yang digunakan untuk berinteraksi atau berkomunikasi antara satu sama lain menerusi laman sosial atau web seperti blog, wiki, forum dan rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* (Abdul Halim dan Muslaini, 2018). Menurut Akram dan Kumar (2017) pula mengatakan bahawa media sosial ialah platform dalam talian yang digunakan oleh masyarakat dunia dalam membina perhubungan sosial atau rangkaian sosial dengan orang lain yang berkongsi pandangan, minat, latar belakang, aktiviti atau hubungan di kehidupan sebenar yang sama.

Seterusnya, media sosial juga merupakan salah satu media yang memiliki peranan yang cukup besar dalam kehidupan masyarakat pada masa kini dan dari masa ke semasa media sosial semakin digemari oleh masyarakat global kerana mempunyai pelbagai kelebihan berbanding dengan media yang lain (Rosli et al., 2019). Hal ini kerana, media sosial telah mewujudkan ruang kepada semua masyarakat di dunia untuk berinteraksi antara satu sama lain dengan cara yang sangat pantas dan mudah untuk digunakan (Severin et al., 2001 dalam Ab Halim dan Muslaini, 2018).

Selain itu, media sosial juga menyediakan faedah yang sangat besar dalam bidang pendidikan dan ini termasuklah akses kepada maklumat dari pelbagai isu dan topik, mewujudkan hubungan pendidikan dan meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru dan pelajar dengan rakan sekelas (Mat, 2011 dalam Ab Halim et al., 2018). Seterusnya, menurut Chang (2001), mengatakan bahawa penglibatan media sosial

dalam proses pembelajaran melalui internet membantu dalam meningkatkan prestasi seorang pelajar. Selain daripada meningkatkan prestasi pelajar, media sosial juga membantu melahirkan seorang pelajar yang berfikiran secara kreatif, proaktif dan inovatif serta melahirkan generasi yang berpotensi membangunkan negara.

Seterusnya, dengan melibatkan media sosial dalam teknik pengajaran telah memudahkan para pelajar atau guru-guru untuk mendapatkan bahan pembelajaran. Contohnya, pelajar dapat memperolehi nota sampingan atau informasi tambahan tentang sesuatu topik yang berkaitan dengan subjek yang dipelajari di sekolah dengan hanya mengakses internet dan ini akan meluaskan pengetahuan mereka kerana ilmu mengenai sesuatu topik tidak hanya berfokus kepada nota yang diberikan oleh guru tetapi pelajar mampu mendapatkannya secara meluas dalam internet (Chang, 2001).

Namun, kajian ini lebih berfokus kepada penerokaan terhadap penggunaan media sosial dan implikasinya terhadap pelajar sekolah menengah. Ini penting bagi merangka pelan strategik untuk membendung impak negatif media sosial kepada pelajar dengan menyediakan langkah-langkah penggunaan media sosial ke arah yang memberikan impak yang lebih positif.

## **1.2 MATLAMAT KAJIAN**

Matlamat bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah dari aspek waktu penggunaan media sosial, tempoh masa melayari media sosial, bilangan jam melayari media sosial mengikut jenis aplikasi media sosial dan jenis media sosial yang kerap digunakan. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis impak media sosial kepada pelajar yang merangkumi impak positif dan negatif. Kajian ini turut meninjau langkah-langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif.



### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Beberapa persoalan yang cuba dijawab di dalam kajian ini iaitu seperti berikut:

- i. Apakah ciri-ciri penggunaan telefon bimbit dan media sosial dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah?
- ii. Apakah impak media sosial kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah?
- iii. Apakah langkah yang dapat diambil untuk menambahbaik penggunaan media sosial ke arah yang positif

### **1.4 PERMASALAHAN KAJIAN**

Media sosial merupakan medium penyampaian dan pengangkutan maklumat yang sangat popular dan diminati oleh golongan masyarakat pada masa kini berbanding dengan televisyen, radio dan surat khabar. Semua maklumat atau isu semasa yang berlaku sama ada di dalam dan luar negara akan dikongsikan di media sosial. Setiap pengguna media sosial bebas mengakses dan mengkongsikan apa sahaja maklumat di media sosial menyebabkan pergerakan maklumat yang tidak terbatas. Ketiadaan batasan dalam mengkongsikan maklumat atau berita di media sosial telah membawa kepada penyebaran maklumat palsu. Jeffri dan Mahamood (2021) mengatakan bahawa kebanyakan maklumat atau berita palsu yang disebarkan di media sosial adalah berpunca daripada aplikasi media sosial seperti Twitter, Whatsapp dan Telegram. Aplikasi media sosial ini berperanan sebagai medium yang membolehkan masyarakat dapat berhubung satu sama lain dan juga masyarakat dapat menyebarkan maklumat yang tidak betul kepada orang ramai.

Media sosial membolehkan semua masyarakat memiliki akaun media sosial tanpa mengira had umur. Ketiadaan had umur penggunaan media sosial telah menyebabkan golongan remaja juga tidak melepaskan peluang untuk menggunakan media sosial ini. Perkara ini disebabkan oleh terdapat ciri-ciri media sosial yang mampu menarik perhatian golongan remaja untuk meneroka media sosial dan ditambah lagi sikap remaja yang ingin tahu akan perkara baru telah mendorong mereka untuk terlibat dalam dunia media sosial ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Normah et al. (2013) di mana dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa golongan remaja yang tinggal di kawasan Lembah Klang sebilangan besarnya

menggunakan media sosial iaitu Facebook bagi tujuan mendapatkan maklumat dan juga sebagai hiburan.

Seterusnya, pengguna media sosial mereka datang dari pelbagai latar belakang dan asal-usul, kerana media sosial ini bukan hanya digunakan oleh masyarakat di negara kita tetapi juga digunakan oleh masyarakat dari negara lain. Terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab mengkongsikan atau memuat naik sesuatu maklumat yang tidak sepatutnya disebar di media sosial yang mampu mendatangkan impak negatif kepada seseorang individu, golongan masyarakat dan negara. Sesuatu maklumat yang disebar itu, adanya unsur penipuan, sentimen perkauman yang mengapi-apikan dan memfitnah seseorang bagi tujuan merosakkan reputasi, maruah dan sebagainya (Shahidah et al., 2020). Hal ini mampu merosakkan pemikiran golongan masyarakat terutama kepada golongan remaja kerana mereka terlalu leka menggunakan media sosial dan membaca semua maklumat yang mereka lihat di dalam media sosial (Jeffri dan Mahamood, 2021).

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji impak penggunaan media sosial dalam kalangan remaja dan mencadangkan langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif.

### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dirangka bagi meninjau impak media sosial kepada pelajar sekolah menengah di SMK Langkon, Kota Marudu Sabah. Objektif utama kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenalpasti ciri-ciri penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah.
- ii. Menganalisis impak media sosial kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah.
- iii. Meninjau langkah-langkah penambahbaikan penggunaan media sosial yang memberi impak positif.

## **1.6 DEFINISI KONSEPTUAL**

Pendefinisian konsep-konsep utama di dalam kajian ini perlu di beri penjelasan bagi memahami dengan lebih jelas tentang kepentingan konsep utama yang akan digunakan dalam kajian ini. Dengan adanya konsep utama yang jelas akan membantu penyelidik dan pembaca untuk memahami erti dan ciri-ciri konsep berkenaan yang akan menjadi teras kepada kajian ini. Terdapat empat konsep utama yang akan dijelaskan adalah impak, media sosial, penggunaan, pelajar sekolah,

### **1.6.1 Pengangkutan Maklumat**

Pengangkutan boleh ditakrifkan sebagai ketersediaan sesuatu kemudahan apabila bergerak atau menuju ke sesuatu lokasi atau tempat dengan menggunakan pelbagai jenis mod pengangkutan (Sakaran dan Mohd Noor, 2020). Maklumat pula menurut Madden (2000) adalah sebagai perwakilan pengetahuan, data di dalam sesebuah persekitaran, sebahagian daripada proses komunikasi dan sebagai sumber atau komoditi. Berdasarkan kepada kedua-dua definisi pengangkutan dan maklumat, dapat disimpulkan bahawa pengangkutan maklumat merupakan pergerakan sesuatu sumber pengetahuan atau data ke sesuatu tempat yang dihantar oleh sesuatu mod pengangkutan.

### **1.6.2 Media Sosial**

Media sosial menurut Akram dan Kumar (2017) ialah platform dalam talian yang digunakan oleh masyarakat dunia dalam membina perhubungan sosial atau rangkaian sosial dengan orang lain yang berkongsi pandangan, minat, latar belakang, aktiviti atau hubungan di kehidupan sebenar yang sama. Seterusnya, menurut Kaplan dan Haenlein (2010) pula, media sosial merupakan sebuah aplikasi yang berteraskan internet. Media sosial dilihat semakin meluas dalam perkembangannya yang membolehkan para pengguna media sosial dapat melayari laman web atau aplikasi dan juga berinteraksi dengan rakan-rakan untuk berkongsi dan bertukar maklumat melalui media sosial. Selain itu, media sosial juga boleh ditakrifkan sebagai suatu platform di mana para penggunanya mampu mencipta akaun sendiri secara percuma dan seterusnya dapat berinteraksi dengan kenalan di platform tersebut. Dengan mencipta atau membuka akaun media sosial di talian, orang lain dapat mengakses akaun tersebut tidak kira di mana sahaja seseorang itu berada. Dalam erti kata lain,

media sosial ini tidak terhad dan tiada batasan jarak untuk para pengguna untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat (Mustafa dan Hamzah, 2010).

### **1.6.3 Remaja**

Menurut Jasmi et al. (2017) mengatakan bahawa remaja merupakan satu tempoh di mana perubahan atau peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa berlaku dalam usia yang bermula dari umur 13 hingga 20 tahun. Pada peringkat ini, perubahan yang pesat sama ada dari segi fizikal, mental, emosi dan biologi serta perubahan tanggungjawab dan peranan berlaku kepada golongan remaja. Seterusnya, menurut Tapscott (2008) dalam Sham (2017) pula mentakrifkan remaja sebagai generasi yang telah dilahirkan dari tahun 1998 sehingga 2009 dan mereka ini ialah generasi teknologi yang internet dan web semenjak mereka masih di usia bayi lagi. Hussin (2017) pula menyatakan bahawa remaja merupakan generasi yang mempunyai tingkah laku atau keperibadian yang berkebolehan dalam melakukan kerja yang berbagai-bagai, dikenali sebagai generasi di mana penggunaan teknologi yang sangat menonjol, memiliki kemahiran untuk memperolehi informasi atau maklumat dari internet, seorang yang kental apabila dicabar dan mencabar, berdikari dan juga menumpukan perhatian kepada kerjayanya. Selain itu, golongan remaja ini terbentuk kesan daripada teknologi yang semakin berkembang dan media sosial yang mempengaruhi psikologi dan pemikiran mereka dan mereka juga dapat dilihat sebagai generasi yang memiliki kemahiran, tingkahlaku, minda dan minat yang berbeza-beza (Sham, 2017).

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada beberapa sudut iaitu yang pertama ialah hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan ilmiah kerana kajian ini dijalankan mengikut prosedur penyelidikan ilmiah dan kajian ini dijalankan sebagai satu kajian dalam pengembangan ilmu dalam bidang geografi khususnya yang sentiasa berubah-ubah dan berkembang. Kajian ilmiah seperti ini sangat penting dan perlu dijalankan kerana manusia sentiasa berhadapan dengan pelbagai fenomena alam sekitar dalam kehidupan mereka seharian yang memerlukan penyelesaian dan tindakan yang berkesan dan perancangan untuk mengatasinya. Seterusnya, hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat berkaitan dengan kesan penggunaan media sosial yang sangat popular khususnya golongan remaja. Kajian ini juga signifikan dalam mengenalpasti sejauh manakah media sosial ini dapat memberi impak sama ada impak positif atau impak negatif kepada golongan remaja khususnya pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga penting kerana membolehkan ibu bapa melakukan pemantauan terhadap anak-anak mereka dalam penggunaan gadget agar memberi faedah kepada mereka. Selanjutnya, kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat agar tidak menyalahgunakan penggunaan media sosial dan sekaligus memberi pengetahuan kepada masyarakat bagaimana untuk menggunakan media sosial ke arah yang memberi impak yang positif.

## **1.8 SKOP KAJIAN**


Dari segi skop responden pula, penyelidik telah memilih 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu Sabah untuk menjawab borang soal selidik yang disediakan. Pemilihan responden untuk kajian ini dilakukan secara rawak dalam kalangan pelajar yang dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran untuk proses pengumpulan data.

Dari sudut masa, penyelidik telah memilih waktu petang dan malam untuk menjalankan kajian atau pengedaran borang soal selidik. Hal ini kerana pada waktu pagi, responden masih berada di sekolah dan

Skop kajian di atas adalah penting bagi mencari fokus kajian supaya tidak lari daripada tajuk kajian. Bukan itu sahaja, skop tersebut turut sebagai panduan untuk menyiapkan kajian ini.

### 1.9 KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian dalam kajian ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon atau nama ringkasnya SMK Langkon, merupakan antara salah satu sekolah menengah di daerah Kota Marudu yang terletak berdekatan dengan persimpangan antara jalan ke kudat dan pitas iaitu terletak kira-kira 10 kilometer dari Pekan Baru Goshen, Kota Marudu. Sekolah ini terletak di koordinate  $6^{\circ}31'44.17''$  N,  $116^{\circ}42'33.79''$  E. Penyelidik telah memilih seramai 80 orang responden secara rawak yang merupakan pelajar tingkatan 4 dan 5 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon untuk menjawab borang soal selidik melalui *Google Form* yang diedarkan secara atas talian.



**Rajah 1.1: Daerah Kota Marudu**

Sumber: Diubahsuai daripada JUPEM

## 1.10 RINGKASAN

<b>Bahagian Mengikut Bab</b>	<b>Ringkasan Bab</b>
Bab 1 Pengenalan	Bab pertama dalam penulisan ini cuba menjelaskan aspek-aspek utama dalam kajian ini dan ini akan menjadi panduan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Seterusnya, Bab ini memfokuskan komponen yang utama iaitu latar belakang kajian yang merangkumi matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, serta kepentingan kajian yang diperolehi berdasarkan kepada kajian yang dijalankan.
Bab 2 Sorotan Literatur	Sorotan literatur merupakan komponen atau elemen yang sangat penting dalam sesebuah penulisan ilmiah. Hal ini kerana, sorotan literatur merupakan ulasan yang dibuat ke atas kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Oleh itu, dalam bab ini penyelidik akan menghuraikan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan isu kajian dengan meneliti aspek-aspek yang penting dalam kajian terutamanya metodologi dan kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik lepas di dalam kajian mereka.
Bab 3 Metodologi Kajian	Bab ini akan menjelaskan tentang metodologi dan kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan dan ini merupakan komponen yang sangat penting dalam sesebuah kajian kerana ia digunakan untuk mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan dalam kajian dan pemilihan kaedah kajian yang tidak bersesuaian dengan kajian akan memberi impak yang besar kepada dapatan kajian. Pemilihan kaedah kajian yang tidak sesuai boleh menyebabkan data yang diperolehi tidak dapat menjawab persoalan kajian dan menimbulkan kesukaran dalam menganalisis data yang diperolehi. Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih metodologi kajian kuantitatif iaitu soal selidik sebagai kaedah kajiannya.
Bab 4	Dalam bab 4 ini, semua dapatan yang diperolehi melalui

<p>Analisis dan dapatan kajian</p>	<p>borang soal selidik yang diedarkan kepada responden akan dianalisis dan dihuraikan untuk menjawab objektif kajian. Seterusnya, dapatan yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS vol.21) untuk mendapatkan keputusan secara peratusan bagi data kuantitatif. Selanjutnya, hasil keputusan yang diperolehi dalam bentuk peratusan tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk graf dan jadual.</p>
<p>Bab 5 Perbincangan dan Rumusan</p>	<p>Bab 5 merupakan bahagian yang terakhir di dalam penyelidikan ini kerana semua proses penyelidikan akan dirumuskan di dalam bab ini dan cadangan untuk penambahbaikan penggunaan media sosial ke arah yang memberi impak yang positif turut dihuraikan di dalam bab ini.</p>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH